

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PERFECT 10

**BAHAWASANYA** Pihak Diinsuranskan, menerusi permohonan dan perakuan sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada **Liberty General Insurance Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

**MAKA POLISIINI MEMPERSAKSIKAN:** Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam polisi ini atau diendorskan atau selain dinyatakan di sini kemudiannya, Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan secara dan setakat yang dinyatakan.

### UNTUK TUJUAN POLISIINI:

Pihak Diinsuranskan bermaksud seseorang atau sebuah badan korporat sebagaimana dinyatakan dalam Jadual/ Sijil Insurans yang kepadanya Polisi ini telah dikeluarkan berhubung dengan perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan.

Orang Yang Diinsuranskan/ Orang Diinsuranskan bermaksud orang yang dinamakan atau dinyatakan dalam Jadual/ Sijil Insurans/ Endorsemen sebagai orang yang diinsuranskan dan mestilah warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja di Malaysia dan pasangan suami/ isteri dan anak-anak mereka yang menetap secara sah di Malaysia.

### SEKSYEN 1 - KEMALANGAN DIRI

**SYARIKAT INSURANS** dengan ini bersetuju dengan Pihak Diinsuranskan jika pada bila-bila masa ketika Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual atau semasa mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Pihak Diinsuranskan telah membayar dan Syarikat Insurans telah bersetuju menerima premium bagi pembaharuan Polisi ini, dimana Orang Diinsuranskan mengalami sebarang kecederaan anggota badan disebabkan oleh **KEMALANGAN LUARAN YANG SERIUS DAN NYATA YANG TERJADI SECARA TUNGGAL DAN LANGSUNG TANPA KEJADIAN LAIN** menyebabkan kematian atau hilang upaya kepada Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan membayar sejumlah pampasan sepertimana dinyatakan di dalam Jadual dan mengikut Jadual Faedah yang disediakan dalam Polisi ini.

#### DENGAN SYARAT-SYARAT:

1. Jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tidak akan dibayar:
  - a. di bawah Faedah A dan B kecuali bila kematian atau hilang upaya berlaku dalam tempoh dua belas (12) kalender bulan selepas kejadian kecederaan pada anggota badan.
  - b. di bawah Faedah C kecuali rawatan perubatan dari pengamat perubatan yang berkelayakan dan berdaftar.
  - c. di bawah Faedah D kecuali setiap kemasukan hospital sekurang-kurangnya lapan (8) jam.

d. di bawah Faedah E kecuali Pihak Diinsuranskan disahkan oleh pengamat perubatan yang berkelayakan dan berdaftar tidak berupaya untuk bekerja dan perlu dan sepatutnya mengambil cuti sakit.

e. di bawah Faedah F kecuali kematian diakibatkan oleh kemalangan berlaku di luar Malaysia dan melalui tuntutan yang sah di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan).

f. di bawah Faedah G kecuali pembedahan di buat dalam tempoh enam (6) kalender bulan daripada tarikh kemalangan.

g. sehingga jumlah penuh pampasan ditentukan dan dipersetujui.

2. Berkenaan dengan Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal, agregat semua peratus yang boleh dibayar berkaitan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar, semua insurans yang terkandung dalam polisi ini tidak lagi berkuatkuasa dengan serta-merta. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan) dan B (Hilang Upaya Kekal) mengikut jumlah tersebut mulai dari tarikh kemalangan hingga tamat tempoh Polisi.
3. Jumlah yang perlu dibayar di bawah Faedah B hendaklah sama dengan peratusan bagi Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

### SYARAT-SYARAT KHAS BAGI SEKSYEN 1 - KEMALANGAN DIRI

1. Semua sijil, resit akaun, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan atas kos Pihak/ Orang Diinsuranskan atau mana-mana Pihak Menuntut dan hendaklah dalam bentuk dan rupa yang telah ditetapkan oleh Syarikat.
2. Apabila berlakunya sebarang kemalangan di mana pampasan layak dibayar dibawah Polisi ini, Pihak/ Orang Diinsuranskan seharusnya segera menggunakan perkhidmatan pengamat perubatan yang berkelayakan dan berdaftar dan menjalani sebarang rawatan yang dianggapkan perlu oleh pengamat perubatan tersebut.
3. Pihak/ Orang Diinsuranskan pada setiap masa yang munasabah hendaklah melaporkan pemeriksaan perubatan bagi piyah Syarikat atas perbelanjaan sendiri.
4. Dalam kes kematian ke atas Pihak/ Orang Diinsuranskan, Pihak Syarikat berhak mendapatkan satu pemeriksaan post-mortem atas perbelanjaannya sendiri.
5. Tuntutan yang dibayar di bawah polisi ini akan dibayar kepada benefisir atau penama seperti di dalam polisi atau wakil sah mereka di mana Pihak Diinsuranskan mempunyai kepentingan boleh insurans. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada mempunyai kepentingan boleh insurans ke atas Orang Diinsuranskan, semua bayaran tuntutan di bawah polisi ini akan dibayar kepada Orang Diinsuranskan atau wakil sahnya.

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**

**Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad**

Corporate Tower 9, Level 13A, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 6120 Pudu, 55916 Kuala Lumpur.

**Tel:** +603 2268 3333 **Faks:** +603 2268 2222 **Laman Web:** [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PERFECT 10

<b>JADUAL FAEDAH</b>		
KETERANGAN FAEDAH	PAMPASAN (% dari Jumlah Diinsuranskan)	
A. Kematian Akibat Kemalangan (berlaku dalam tempoh 12 kalender bulan akibat kecederaan anggota badan)	100	C. Perbelanjaan Perubatan Syarikat akan membayar sehingga pelan/had yang dipilih setiap kemalangan untuk perbelanjaan perubatan berkenaan untuk kemasukan hospital (termasuk bilik dan penginapan), rawatan perubatan dan pembedahan (kecuali Faedah G), rawatan tradisional RM30.00 setiap lawatan, tertakluk kepada maksima RM300.00 setiap kemalangan dan cukai kerajaan/perkhidmatan.
B. Hilang Upaya Kekal (berlaku dalam tempoh 12 kalender bulan akibat kecederaan anggota badan) menyebabkan:		D. Pendapatan Hospital Syarikat akan membayar sehingga pelan/had yang dipilih untuk tempoh masa Orang Diinsuranskan diwadkan di hospital untuk rawatan kecederaan anggota badan akibat kemalangan. Had maksima untuk pembayaran faedah ini adalah lima puluh dua (52) minggu.
1) Hilang Upaya Kekal Menyeluruh daripada terlibat atau menghadiri sebarang jenis pekerjaan atau kerjaya	100	E. Elaun Pos Penghospitalan Syarikat akan membayar sehingga pelan/had yang dipilih untuk setiap minggu. Elaun Pos Penghospitalan akan dibayar bermula dari tarikh keluar dari hospital sehingga empat (4) kali jangkama masa diwadkan di hospital (jangkama pembayaran faedah di bawah Faedah D) untuk rawatan kecederaan tubuh badan atau cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar yang mana lebih rendah.
2) Lumpuh keseluruhan atau kekal terlantar sakit di katil	100	F. Perbelanjaan Penghantaran Pulang (Kematian Di Luar Malaysia) Syarikat akan membuat pembayaran sehingga RM5,000.00 kepada waris atau wakil sah Orang Diinsuranskan jika kematian berlaku di luar Malaysia dan tuntutan sah di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan). Faedah ini terhad kepada perbelanjaan yang sepatusnya untuk penghantaran pulang jenazah Pihak Diinsuranskan dari tempat kematian sehingga pulang ke Malaysia.
3) Kehilangan a) satu tangan atau lengan b) satu kaki atau satu kaki sehingga paha c) pandangan sebelah atau kedua-dua mata	100 100 100	G. Pembedahan Pembetulan Gigi dan Kosmetik (berlaku dalam tempoh enam (6) kalender bulan dari tarikh kemalangan) Syarikat akan membayar sehingga RM5,000.00 setiap kemalangan untuk Pembedahan Pembetulan Gigi dan Kosmetik jika diusulkan dan pembedahan dijalankan oleh pakar Ortodontik atau pakar pembedahan kosmetik yang berlesen selepas kecederaan tubuh badan. Faedah ini terhad kepada perbelanjaan sebenar yang sepatusnya dikenakan untuk rawatan sedemikian.
4) Kehilangan a) pendengaran kedua-dua belah telinga b) pendengaran sebelah telinga c) keupayaan bertutur	75 15 50	H. Elaun Pengkebumian sebanyak RM2,000.00 akan dibayar untuk tuntutan yang sah di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan).
5) Kehilangan a) empat jari dan ibu jari sebelah tangan b) empat jari sebelah tangan	50 40	I. Yuran Ambulan Syarikat akan membayar sehingga RM500.00 setiap kemalangan untuk perbelanjaan sepatusnya dibayar untuk perkhidmatan ambulan untuk menghantar Orang Diinsuranskan ke hospital tempatan.
6) Kehilangan ibu jari - kedua-dua falanks - satu falanks	25 10	11) Kehilangan jari kaki - kesemua pada sebelah kaki - ibu jari, kedua-dua falanks - ibu jari, satu falanks - selain ibu jari, jika lebih daripada satu jari hilang, setiap satu
7) Kehilangan jari telunjuk - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	10 8 4	15 5 2 2 4 2 2 15 5 2 1
8) Kehilangan jari tengah - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	6 4 2	Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan. Di mana sebarang kecacatan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada deria rasa atau bau, Syarikat akan menggunakan peratus kecacatan yang mengikut pendapat para penasihat perubatan Syarikat konsisten dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang Diinsuranskan.
9) Kehilangan jari manis - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	5 4 2	Kehilangan penglihatan bermaksud kehilangan seluruh penglihatan secara penuh dan tidak boleh dibaiki lagi dan menjadikan Orang Diinsuranskan buta sepenuhnya tanpa boleh diubati melalui pembedahan atau rawatan.
10) Kehilangan jari kelengkeng - tiga falanks - dua falanks - satu falanks	4 3 2	
11) Kehilangan jari kaki - kesemua pada sebelah kaki - ibu jari, kedua-dua falanks - ibu jari, satu falanks - selain ibu jari, jika lebih daripada satu jari hilang, setiap satu	15 5 2 1	

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PERFECT 10

### FASAL

#### MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan akibat daripada Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam yang secara langsung diakibatkan oleh:

1. Tindakan mana-mana individu mengambil bahagian bersama orang lain dalam sebarang kekacauan terhadap ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat masuk kerja atau tidak).
2. Tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah dalam menyekat atau cuba menyekat sebarang gangguan tersebut atau mengurangkan kesan daripada gangguan tersebut.
3. Tindakan disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja sekatan masuk kerja yang dilakukan untuk melanjutkan mogok atau dalam menghalang sekat masuk kerja.
4. Tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah dalam menghalang mana-mana tindakan tersebut atau dalam mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Sekiranya sebarang tuntutan berikut dibuat, Pihak Diinsuranskan perlu membuktikan bahawa kecederaan tubuh tersebut terjadi secara bebas dan tidak berkait langsung dengan atau pada masa atau disumbangkan oleh atau boleh dijejaki kepada mana-mana kejadian tersebut atau sebarang akibat daripadanya dan dengan secara automatik atau sebarang bukti tersebut Syarikat tidak dipertanggungjawabkan untuk membuat apa-apa bayaran berkaitan tuntutan tersebut.

Dengan syarat bahawa berkaitan dengan lanjutan ini Orang Diinsuranskan mendapat kecederaan tubuh seperti yang dijelaskan oleh Polisi ketika menjadi orang awam yang berada di tempat kejadian dan bukannya akibat daripada penyertaan aktif secara langsung atau tidak langsung dalam mogok, rusuhan atau kekecohan awam.

#### RAMPASAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan akibat daripada rampasan sama ada semasa transit jalan darat sebagai penumpang yang memegang tiket atau semasa menaiki pesawat sebagai penumpang yang memegang tiket melalui laluan udara yang sedia wujud dalam pesawat jenis standard dengan lesen penuh yang dimiliki dan/atau diusahakan oleh Syarikat penerbangan yang diiktiraf ataupun sebagai penumpang berbayar di atas sebarang kapal laut yang digunakan untuk mengangkut penumpang.

#### KERACUNAN MAKANAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan akibat daripada keracunan makanan yang tidak disengajakan atau kejadian lain yang seumpamanya, dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luar atau keganasan yang nyata.

#### MATI LEMAS

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Orang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di sini akibat daripada mati lemas, dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luar atau keganasan yang nyata.

#### SUKAN AMATUR

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya yang berlaku semasa Orang Diinsuranskan melibatkan diri dalam sukan luaran atau dalaman sebagai seorang amatur kecuali seperti yang dinyatakan di bawah pengecualian no.3(a) dalam Pengecualian Khas kepada Seksyen 1.

#### PEMBUNUHAN DAN SERANGAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh serangan atau pembunuhan atau sebarang percubaan kepada Orang Diinsuranskan dalam jadual ini, kecuali kematian atau kecederaan badan ke atas Orang Diinsuranskan semasa dia melakukan atau berhasrat melakukan perbuatan tersebut.

#### GIGITAN SERANGGA, UALAR, BINATANG PEROSAK DAN BINATANG

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa polisi ini dilanjutkan merangkumi gigitan serangga, ular, binatang perosak dan binatang kecuali penyakit atau penyakit yang disebabkan oleh parasit, bakteria atau virus yang dibawa oleh serangga seperti nyamuk dan seumpamanya, ular atau binatang.

#### KEHILANGAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa jika selepas tempoh satu (1) tahun berakhir dan Syarikat setelah memeriksa semua bukti yang ada, serta tidak mempunyai alasan untuk membuat andaian lain selain satu kemalangan telah berlaku, atau Mahkamah Undang-Undang telah mengesahkan bahawa Orang Diinsuranskan itu telah hilang dan disahkan mati, maka kehilangan Orang Diinsuranskan itu membentuk satu tuntutan dibawah Polisi ini.

Adalah seterusnya dipersetujui dan difahami bahawa jika pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat dan Orang Diinsuranskan didapati masih hidup, mana-mana jumlah yang telah dibayar oleh Syarikat, hendaklah dipulangkkan kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) kalender hari dari tarikh penemuan.

#### SUKAN MUSIM SEJUK

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Orang Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya semasa terlibat dalam aktiviti sukan musim sejuk sebagai seorang pemain amatur.

#### BENCANA SEMULAJADI

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian atau hilang upaya ke atas Orang Diinsuranskan disebabkan oleh gempa bumi, angin ribut, banjir, letusan gunung berapi, kilat, hurikan, siklon, taufan dan ombak gadang.

#### PENDEDAHAN KEPADA ELEMEN SEMULAJADI

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kecederaan tubuh yang disebabkan oleh dedahan kepada elemen semulajadi akibat daripada kemalangan yang dilindungi di bawah ini, dengan syarat sekiranya berlaku kematian ke atas Orang Diinsuranskan disebabkan oleh pendedahan kepada elemen semulajadi, kematian ini tertakluk kepada penyiasatan pengesahan dari pihak perundangan yang diiktirafkan.

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PERFECT 10

### MENUNGGANG MOTOSIKAL

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Orang Diinsuranskan ketika menunggang motosikal atau sebagai pemborong untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat bahawa Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, menunggang laju atau Orang Diinsuranskan terlibat dalam sebarang peraduan menunggang laju atau ujian-ujian lain.

### MEMBURU

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Orang Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya semasa terlibat dalam memburu, dengan syarat permit/kelulusan/lesen daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperolehi dan Orang Diinsuranskan mempunyai lesen yang sah di segi undang-undang untuk memiliki dan menggunakan senjata api untuk tujuan memburu sahaja.

### MENYELAM SKUBA

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dianggap melindungi kematian atau hilang upaya akibat kemalangan untuk Orang Diinsuranskan semasa terlibat dalam menyelam skuba sebagai seorang amatur.

### SESAK NAFAS AKIBAT ASAP, WASAP ATAU GAS BERACUN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Orang Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya akibat sesak nafas secara tidak sengaja oleh Asap, Wasap atau Gas Beracun.

### PERLINDUNGAN KEGANASAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini akan melindungi kematian dan hilang upaya akibat keganasan tetapi mengecualikan keganasan akibat penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear, Kimia atau Biologi walau bagaimana sekalipun senjata ini diagihkan atau digabungkan.

Bagi tujuan Klausu ini:

- I. Keganasan bermaksud tindakan, atau tindakan oleh mana-mana individu, atau kumpulan individu, tindakan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang sama dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakut-nakutkan orang ramai, atau mana-mana kumpulan orang ramai. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebenar kekuatan atau keganasan dan/atau ancaman untuk menggunakannya. Tambahan lagi, pelaku keganasan boleh sama ada bertindak bersendirian, atau dalam pihak, atau berkait dengan mana-mana organisasi atau kerajaan.
2. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear bermaksud menggunakan sebarang senjata atau peranti letupan nuklear atau pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran bahan boleh membelah yang mengeluarkan paras radioaktif yang berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.
3. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Kimia bermaksud pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran sebarang bahan kimia, cecair atau gas yang jika diagihkan mengikut kesesuaian, berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.
4. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Biologi bermaksud pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran sebarang mikroorganisma patogen (yang memberi penyakit) dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisme yang

secara genetik dan toksin yang disintesikan kimia) yang berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.

### PENGECUALIAN KHAS UNTUK SEKSYEN 1 - KEMALANGAN DIRI

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh atau timbul dari:

1. Bunuh diri (sama ada dengan jenayah serius atau tidak) atau sebarang percubaan sepertinya atau kecederaan diri sendiri, hamil atau melahirkan anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan, penyakit kelamin atau tidak siuman, kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah bukan preskripsi pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar, melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang.
2. Orang Diinsuranskan terbang atau menaiki pesawat selain daripada sebagai penumpang yang membayar tiket dengan syarikat penerbangan berdaftar di laluan domestik atau antarabangsa yang berjadual.
3. Orang Diinsuranskan terlibat dengan:
  - a. luncur air, aktiviti bawah air melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu, payung terjun, terjun lelabah, luncur udara, terjun udara, sukan atau permainan profesional, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, tinju atau gusti, sebarang jenis perlumbaan selain menggunakan kaki.
  - b. menggunakan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal.
4. Semua kecacatan fizikal atau mental atau uzur, sebarang jenis sawan, sebarang bentuk sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit yang sedia ada.

### SEKSYEN II - PERLINDUNGAN LIABILITI DIRI

Pampasan:

Tertakluk kepada had liabiliti yang dinyatakan dalam Polisi ini, Syarikat akan membayar pampasan seperti berikut:

1. Segala jumlah yang Orang Diinsuranskan patut bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membuat bayaran pampasan seperti berikut:
  - a) kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga akibat kemalangan
  - b) kerosakan harta benda kepada pihak ketiga akibat kemalangan
2. Semua kos dan perbelanjaan perundangan:
  - a) yang dituntut semula daripada Orang Diinsuranskan oleh sesiapa yang menuntut
  - b) ditanggung dengan persetujuan bertulis daripada Syarikat

Berhubung dengan tuntutan daripada Orang Diinsuranskan untuk pampasan di mana indemnitи yang dinyatakan di dalam Polisi ini merujuk.

Sekiranya berlaku kematian kepada Orang Diinsuranskan, Syarikat akan dari segi liabiliti yang ditanggung oleh Orang Diinsuranskan memberi indemnitи kepada wakil sah Orang Diinsuranskan yang akan seolah-olah dia adalah Orang Diinsuranskan memerhati dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Polisi ini setakat mana mereka boleh dirujukan.

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PERFECT 10

### HAD LIABILITI

Polisi ini memberi jaminan ganti rugi sehingga jumlah yang tidak melebihi Ringgit Malaysia seratus ribu (RM100,000.00) untuk setiap kemalangan dan setiap tempoh masa diinsuranskan.

### HAD WILAYAH

Meliputi seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada.

### PENGECUALIAN KHAS KEPADA SEKSYEN II - PERLINDUNGAN LIABILITI DIRI

Indemniti yang ternyata di dalam Polisi ini tidak diterima pakai atau termasuk:

1. Liabiliti yang ditanggung oleh Orang Diinsuranskan melalui perjanjian kecuali liabiliti yang ditanggung oleh Orang Diinsuranskan yang bukan melalui perjanjian.
2. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada sesiapa yang semasa mengalami kecederaan sedang berkhidmat dengan Orang Diinsuranskan atau untuk tuntutan pampasan dari Orang Diinsuranskan oleh pihak yang mengalami kecederaan atau orang yang dilindungi di bawah mana-mana Akta Pampasan Pekerja.
3. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada ahli keluarga atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan Orang Diinsuranskan.
4. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan atau kerosakan harta benda yang dimiliki oleh atau di bawah kuasa atau dalam kawalan oleh Orang Diinsuranskan atau sesiapa pekerja atau agen kepada Orang Diinsuranskan.
5. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau timbul dari:
  - a. Hak milik atau pemilikan atau diguna oleh atau bagi pihak Orang Diinsuranskan untuk sebarang haiwan (melainkan seekor anjing atau kucing), semua jenis pesawat udara, kenderaan bermotor, semua jenis kapal bersenjata atau sebarang jenis pesawat.
  - b. Hak milik atau pemilikan atau diguna oleh atau bagi pihak Orang Diinsuranskan untuk mana-mana bidang tanah atau bangunan.
  - c. mana-mana pengupahan pekerja atau bagi Orang yang diinsuranskan atau apa jua yang ada hubung kait dengannya atau untuk tujuan yang berkaitan.

### PENGECUALIAN AM - DITERIMA PAKAI UNTUK SEKSYEN I & II

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya atau liabiliti dalam apa jua keadaan akibat dari atau timbul dari atau sebarang kehilangan berikutan:

1. secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau yang timbul dari perperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing (sama ada perperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa.
2. secara langsung atau tidak langsung disumbangkan oleh atau yang timbul daripada pancaran pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Khusus untuk tujuan pengecualian ini sahaja,

pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang dikekalkan sendiri.

3. secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau yang timbul dari bahan senjata nuklear.
4. secara langsung atau tidak langsung yang timbul dari atau diakibatkan oleh atau disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kerumitan Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperoleh atau dipanggil.
5. Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhad
  - a. Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
  - b. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-jua jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
    - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
    - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
    - iii. akses kepada, memproses, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
    - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
    - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
    - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
  - c. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
  - d. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
  - e. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer

### SYARAT-SYARAT AM – DITERIMA PAKAI UNTUK SEKSYEN I & II

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PERFECT 10

### 1. SYARAT TERDAHULU TERHADAP LIABILITI

Pihak / Orang yang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

### 2. NOTIS

Semua notis yang perlu diberikan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat. Sebarang perubahan dalam terma Polisi ini atau pengendorsan selepas itu dianggap tidak sah melainkan sekiranya dokumen tersebut ditandatangani atau disahkan oleh wakil syarikat yang sah.

### 3. PEMBATALAN INSURANS

Syarikat boleh membatalkan atau menamatkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis selama tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang terakhir sekali diketahui oleh Syarikat dan dalam keadaan sedemikian akan memulangkan kepada Pihak Diinsuranskan premium yang telah dibayar ditolak bahagian pro-rata daripadanya bagi tempoh Polisi ini yang telah berkuatkuasa. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan atas notis selama tujuh (7) hari kepada Syarikat dan dalam keadaan ini Pihak Diinsuranskan akan berhak menerima pemulangan premium ditolak premium pada kadar jangka pendek bagi tempoh Polisi tersebut telah berkuatkuasa.

Pembatalan Polisi oleh Pihak Diinsuranskan atau Syarikat tidak melibatkan pemulangan premium dalam keadaan seperti di bawah:

- a) Polisi ini dibayar secara bayaran bulanan, atau
- b) Jika jumlah yang patut dibayar balik kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), atau
- c) Dalam keadaan di mana keseluruhan jumlah 100% premium dikenakan pada kadar jangka pendek, atau
- d) Tuntutan telah dibuat dalam tempoh masa insurans.

### 4. PERUBAHAN RISIKO

Orang yang Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta memberi notis kepada Syarikat mengenai sebarang perubahan alamat, negara beraustautin, pekerjaan atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah dialami Orang yang Diinsuranskan dan notis mengenai Insurans lain (kecuali kupon atau yang berkaitan dengan Insuran Motokar) yang melindungi kemalangan atau kelumpuhan.

### 5. PIHAK-PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

Syarikat, melainkan sebaliknya diberi sokongan yang khusus dalam Polisi ini, layak menganggap Orang yang Diinsuranskan sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf mana-mana tuntutan yang saksama atau tuntutan lain kepada atau faedah dalam Polisi dan penerimaan oleh Orang yang Diinsuranskan atau wakil sah Orang yang Diinsuranskan semata-mata akan menjadi discaj yang efektif.

### 6. SALAH NYATA / PENIPUAN

Polisi ini boleh terbatas sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Orang yang Diinsuranskan, yang mana Pihak / Orang Yang Diinsuranskan tahu atau

sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan / atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.

### 7. TUNTUTAN

Sebaik sahaja berlakunya sebarang kemalangan yang berkemungkinan akan menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis dalam masa empat belas (14) kalender hari selepas kejadian kemalangan tersebut kepada Syarikat dengan segala keterangan mengenai kemalangan dan kecederaan itu.

Jika berlaku apa-apa kemalangan yang mungkin menimbulkan satu tuntutan, Orang yang Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah-langkah yang terbaik untuk menjaga mana-mana peralatan atau barang sama ada rosak atau tidak berfungsi atau dalam hal lain dimana perlu untuk membuktikan berkenaan dengan tuntutan dan tiada perubahan atau perbaikan yang boleh dibuat pada mana-mana barang berkenaan dengan atau yang terlibat dalam kemalangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Syarikat.

Orang yang Diinsuranskan tidak boleh manafikan liabiliti tanpa persetujuan bertulis daripada Syarikat, membuat perundingan atau tawaran, janji atau pembayaran yang berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan dan Syarikat berhak mengambil alih dan menguruskan bagi Orang yang Diinsuranskan untuk membela dalam sebarang tuntutan atau tuduhan bagi Orang yang Diinsuranskan dan untuk faedah sendiri, untuk pampasan atau kerosakan atau dalam hal lain yang berkaitan dengan sesiapa dan harus mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam mana-mana perundingan dan dalam menyelesaikan mana-mana tuntutan dan Orang yang Diinsuranskan perlu memberi segala maklumat dan bantuan yang diperlukan oleh Syarikat.

Kematian Orang yang Diinsuranskan hendaklah disahkan dengan Sijil Kematian Rasmi jika berlaku atau kehilangan akibat kemalangan, kematian hendaklah dibuktikan oleh Mahkamah yang menganggapnya telah mati.

### 8. LIABILITI PERSENDIRIAN

Jika Orang yang Diinsuranskan mempunyai dua atau lebih Polisi dengan Syarikat yang melindungi Liabiliti Persendirian, pembayaran maksima untuk liabiliti dibawah semua Polisi adalah tidak lebih RM100,000 setiap kemalangan dan setiap tempoh masa yang diinsuranskan.

### 9. SUMBANGAN

Jika pada masa berlaku sebarang tuntutan di bawah Seksyen II bagi Polisi ini dan jika ada lain-lain Insurans sama ada dibawah Syarikat ini atau sebaliknya yang melindungi risiko yang sama atau sebahagian darinya, Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk perkadarannya yang melebihi dari bahagian yang ditaksir. Tertakluk kepada Had Liabiliti seperti yang tercatat di dalam Polisi ini.

### 10. PENIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujukkan kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak di dalam pertelingkahan atau jika

## **POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PERFECT 10**

mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) kalender bulan selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju dengan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempergerusikan mesyuarat mereka dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap Syarikat.

Jika Syarikat menafikan liabiliti kepada Orang yang Diinsuranskan untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan dua belas (12) kalender bulan dari tarikh penafian dirujukkan kepada penimbang tara bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut Polisi ini.

### **11. PENGELASAN UNDANG-UNDANG**

Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan diguna pakai atau termasuk:

- a. pampasan untuk kerugian bagi perundungan yang bukan ditafsirkan atau ditentukan daripada Mahkamah yang berkuatkuasa mengikut undang-undang Mahkamah Malaysia.
- b. kos dan perbelanjaan perundungan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak di tanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia.

### **12. TEMPOH INSURANS DAN SYARAT PEMBAHARUAN**

Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan antara Pihak Diinsuranskan dan Syarikat tetapi tertakluk kepada semakan semula pada Ulang Tahun Polisi iaitu setahun selepas tarikh kuatkuasa Polisi dan setiap tahun berikutnya.

Polisi ini tidak boleh diperbaharui dalam keadaan berikut:

- a. premium tidak dibayar, atau
- b. Orang yang diinsuranskan telah meninggal dunia, atau
- c. Orang yang diinsuranskan telah menuntut faedah Hilang Upaya Kekal, atau
- d. Orang yang diinsuranskan telah mencapai had umur yang tertera dalam Polisi.

### **13. KEWAJIPAN PENDEDAHAN**

Kontrak Insurans Pengguna

- a. Menurut Perenggan 5, Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui ada berkaitan dengan keputusan kami menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatkan kontrak.

b.

Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

### **14. KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN**

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau Malaysia.

**FASAL DAN PENGENDORSAN**  
**dilampirkan dan dibacakan sebagai sebahagian daripada Polisi**  
**(tidak boleh dikaitkan kecuali dinyatakan di dalam Jadual)**

**PERUNTUKAN KHAS UNTUK ARAHAN PEMBAHARUAN AUTO**

Akaun Calonan bermaksud akaun yang dicalonkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau melalui arahan bertulis oleh Pihak Diinsuranskan, di mana premium untuk Polisi ini akan didebitkan atau dicajkan.

**Premium**

- a. Premium yang dinyatakan dalam Polisi patut dibayar pada tarikh kuatkuasa polisi. Jika dibayar secara tahunan, dibayar pada setiap ulang tahun Polisi dan jika dibayar pada setiap bulan, pembayaran adalah pada tarikh yang sama bagi bulan berikutnya. Jika pada bulan tersebut di mana premium sepatutnya dibayar, tidak mempunyai tarikh yang sama seperti bulan sebelum ini, maka premium akan dibayar pada hari terakhir pada bulan tersebut.
- b. Premium akan dicajkan pada Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan bila tiba tempoh masa bayaran.
- c. Pembayaran premium akan memperbaharui polisi secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi yang sedia ada merupakan bukti kesahihan perlindungan.

**Pembatalan Secara Automatik**

1. Polisi ini akan dibatalkan secara automatik bila arahan untuk membatalkan Akaun Calonan Pihak Diinsuranskan di mana premium untuk polisi telah dicajkan.
2. Premium tidak dibayar pada tempoh masa yang ditetapkan.

**NOTIS PENTING**

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi/perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
  - (a) Unit Pengendalian Aduan  
Liberty General Insurance Berhad  
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan  
Liberty Insurance Tower,  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3, Jalan Damanlela,  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2268 3333 atau 1800 88 3833  
Faks: +603-2268 2222
  - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2272 2811  
Faks : +603-2272 1577
- (c) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)  
Bank Negara Malaysia  
4th Floor, Podium Bangunan AICB,  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
No. Tel. : +603-2698 8044 (Talian Am) / 1 300 88 5465 (BNMLINK)  
No. Faks : +603-2174 1515  
e-Link : bnmlink.bnm.gov.my  
alamat emel : bnmlink@bnm.gov.my  
Laman Web : www.bnm.gov.my
3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).